



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 5 JUN 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	ANAK TEMPATAN PERLU PERKASA INDUTRI TANAMAN, JAMINAN HALAL, NEGARA, KOSMO - 8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	JPV PATAHKAN CUBAAN PINDAH LEMBU SEHARA HARAM, NEGERI, SINAR HARIAN – 2	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
3.	'SELIMUT' LEMBU KORBAN DENGAN KAVAS GAGAL, NEGARA, KOSMO- 3	
4.	CUBAAN SELUDUP 66 EKOR BABI GUNA PENUTUP KANVAS GAGAL, NEGARA, KOSMO - 16	
5.	PERMINTAAN TINGGI KORBAN KAMBING, PENTERNAK IMPORT DARI THAI, MYANMAR, NEGARA, KOSMO - 14	LAIN-LAIN
6.	FARMERS ADOPT TAGGING SYSTEM AHEAD OF DURIAN FEST, EVENT, THE STAR – 6	
7.	ANAK POKOK DURIAN RM1.32 JUTA DIRAMPAS, NEGERI, SINAR HARIAN – 27	
8.	REZEKI LADA CENGK, LOKAL, HARIAN METRO – 5	
9.	LADANG HARAPAN MASA DEPAN RAKYAT, CETUSAN, SINAR HARIAN - 17	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/6/2025	KOSMO	NEGARA	8

Anak tempatan perlu perkasa industri ruminan, jaminan halal

PETALING JAYA – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan akan memberi pene-
katan kepada pemerkasaan in-
dustri ruminan pada tahun ini
khususnya penglibatan lebih
ramai anak tempatan.

Menterinya, Datuk Seri Mo-
hamad Sabu berkata, langkah
tersebut akan dilakukan de-
ngan mengambil contoh indus-
tri daging halal di Jepun yang
menggunakan teknologi moden
dan jaminan halal sebagai asas
kejayaan.

Beliau berkata, penekanan
itu adalah selaras dengan has-
rat kerajaan untuk memastikan
rakyat bukan sekadar penggu-
na, tetapi peneraju dalam ranta-
ian nilai halal global.

“Kita ingin melihat lebih
banyak penglibatan anak tem-
patan dalam sektor ini, dengan
teknologi moden dan jaminan
halal sebagai asas kejayaan,” ka-
tanya dalam satu kenyataan di
Facebook semalam.

Terdahulu, dalam kenyataan
sama, Mohamad memberitahu
beliau telah mengadakan lawa-
tan rasmi ke Sanda Shokuniku
Kosha, pusat penyembelihan
halal yang terletak di Kita-
ku, Kobe City, Wilayah Hyogo,



MOHAMAD melawat pusat penyembelihan halal di Kitaku, Kobe City baru-baru ini.

Jepun.

Jelas beliau, pusat sembe-
lihan itu adalah satu-satunya
fasiliti halal yang diiktiraf di
wilayah terbabit dan terkenal
dengan pengeluaran Halal Kobe
Beef.

“Lawatan itu sebahagian
daripada penglibatan Malaysia
dalam Ekspo Dunia Osaka 2025
dan memberi peluang kepada
kita untuk memahami lebih
dekat amalan terbaik industri
daging halal Jepun,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/6/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	23

JPV patahkan cubaan pindah lembu secara haram



JPV Perak memeriksa sebanyak lembu-lembu hidup yang cuba dipindahkan secara haram di Gerik melalui Ops Korban Mega pada malam Selasa.

IPOH - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak berjaya mematahkan cubaan memindahkan sebanyak 10 ekor lembu hidup secara haram di Gerik melalui Ops Korban Mega pada malam Selasa.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Perak, Dr Saifullizam Abd Kadir berkata, operasi tersebut dilaksanakan sepasukan anggota penguat kuasa JPV Perak dan JPV Cawangan Baling, Kedah.

Menurutnya, pasukan penguat kuasa tersebut berjaya menahan kenderaan berkenaan pada jam 10 malam di tepi jalan berhampiran Kampung Pahit Luar, Gerik.

"Hasil pemeriksaan mendapati pemandu kenderaan tersebut gagal mengemukakan sebarang dokumen pindah.

"Modus operandi dengan menutup keseluruhan bahagian belakang menggunakan kanvas bagi mengaburi mata penguat kuasa juga gagal," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Saifullizam berkata, kes disiasat bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953 yang membawa hukuman denda tidak lebih RM15,000 jika sabit kesalahan.

Sementara itu, beliau memaklumkan melalui Ops Korban Mega sempena sambutan Aidiladha yang dilaksanakan setakat ini, JPV Perak telah berjaya mematahkan empat cubaan memindahkan ternakan tanpa kebenaran sah.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/6/2025	KOSMO	NEGARA	18

'Selimut' lembu korban dengan kanvas gagal

IPOH – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Perak berjaya mematahkan cubaan memindahkan lembu secara haram dari Kelantan ke negeri ini dalam Op Korban Mega di Gerik kelmarin.

Pengarah JPV Perak, Dr. Saifullizam Abd. Kadir berkata, operasi pada pukul 10 malam itu menemukan 10 ekor lembu dalam lori bertutup kanvas di tepi jalan dekat Kampung Pahit Luar, Gerik.

Katanya, pemeriksaan terhadap pemandu lori berusia 26 tahun itu mendapati lelaki terbabit gagal mengemukakan sebarang dokumen pindah haiwan ternakan.

"Siasatan awal mendapati lembu itu dibawa masuk ke Gerik bagi tujuan ibadah korban.

"Modus operandi yang digunakan suspek ini adalah dengan menutup keseluruhan belakang lori menggunakan kanvas bagi mengaburi mata anggota penguat kuasa," katanya di sini semalam.

Menurutnya, pemandu lori itu ditahan bagi membantu siasatan di bawah Seksyen 36(1) Akta Binatang 1953.

Dalam pada itu, beliau berkata, menerusi Op Korban Mega sempena sambutan Hari Raya Aidiladha, pihaknya berjaya mematahkan empat cubaan memindahkan ternakan di negeri ini secara haram.

"Pemeriksaan mendapati, kesemua pemandu lori yang ditahan telah gagal mengemukakan dokumen kebenaran memindahkan ternakan oleh Pengarah JPV Perak," katanya.



LEMBU yang cuba dipindah masuk secara haram ke Perak berjaya dikesan JPV dalam operasi di Gerik kelmarin.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/6/2025	KOSMO	NEGARA	16


Cubaan seludup 66 ekor babi guna penutup kanvas gagal

IPOH – Taktik menyeludup 66 ekor babi menggunakan lori bertutup kanvas bagi mengelak dihidu pihak berkuasa gagal apabila dikesan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) kelmarin.

Dalam Operasi Pra MAREA di sekitar kawasan Plaza Tol Lekir, Lebuhraya Pesisiran Pantai Barat (WCE) dekat Sitiawan pada pukul 3.20 pagi itu turut membawa kepada tangkapan pemandu lori berusia 46 tahun.

Pengarah JPV Perak, Dr. Saifulizam Abd. Kadir berkata, lori tersebut ditahan di Kilometer 195.5, Lebuhraya WCE selepas diekori sejauh lebih 10 kilometer (KM) dari Plaza Tol Lekir.

Katanya, pemeriksaan anggota penguat kuasa bersama Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Ma-



SEBUAH lori membawa muatan 66 ekor babi hidup ditahan dalam Operasi Pra MAREA di Lebuhraya WCE dekat Sitiawan kelmarin.

qis) mendapati lori itu membawa babi hidup tanpa kebenaran JPV.

"Siasatan awal mendapati lori dari Pulau Pinang itu dipercayai dalam perjalanan ke selatan. Kita

telah merampas semua babi itu bersama lori dengan nilai rampasan RM170,000.

"Pemandu lori itu turut ditahan untuk siasatan," ujarnya.

Permintaan tinggi korban kambing, penternak import dari Thai, Myanmar



SOLIHIN memeriksa sebanyak 800 ekor kambing yang sudah ditempah untuk ibadah korban dan akikah di Kampung Macang Lada, Kuala Terengganu semalam.

pusat tahfiz.

"Sebahagian institusi itu membeli sehingga 180 ekor kambing sekali gus," katanya di kandang kambingnya di Kampung Macang Lada di sini, semalam.

Anuar berkata, setiap kambing terbit di jual pada harga RM750 hingga RM950 seekor mengikut saiz dan jenis bakanya.

Beliau berkata, permintaan tinggi menyebabkan dia terpaksa membuka dua kandang tambahan di Kampung Kubang Bujuk, Manir di sini dan Kampung Pa- yang Kayu, Hulu Terengganu se-

KUALA TERENGGANU - Seorang penternak kambing ternyus lebar apabila 800 ekor kambing peliharaannya terjual untuk ibadah korban dan akikah sempena sambutan Hari Raya Aidiladha pada hujung minggu ini.

Anuar Abd Latiff, 60, berkata, permintaan tinggi tersebut menyebabkan dia terpaksa membawa masuk kambing import dari Thailand dan Myanmar.

"Selain individu persendirian, tempahan bagi ibadah korban dan akikah berkenaan turut diterima pihak masjid, surau dan

bagai pusat penyimpanan kambing yang ditempah berkenaan.

"Saya tidak sangka permintaan kambing untuk ibadah korban dan akikah sempena Aidiladha pada tahun ini tetap tinggi.

"Ia disebabkan saya difahamkan harga seekor lembu turun sedikit kepada RM3,500 seekor," katanya.

Anuar berkata, pihaknya turut diamankan melakukan penyembelihan bagi sebahagian kambing yang ditempah buat ibadah korban dan akikah berkenaan.

By IMRAN HILMY
imran@thestar.com.my

PENANG has rolled out its 'Track and Trace' smart monitoring system for durian to ensure the authenticity of the state's prized fruit.

The system was launched ahead of the Penang Durian and Fruit Festival, to be held from June 23 to July 20, at Persiaran Queensbay in Bayan Lepas.

State agrotechnology, food security and cooperative development committee chairman Fahmi Zainol said some 60 farmers had committed to use the tagging system, launched on June 1, while 20 large-scale farm operators had already registered.

"Farmers must apply for the tagging themselves and provide valid land ownership documents. Applications through intermediaries will not be accepted," he said at a press conference in Komtar.

Fahmi urged durian farmers to register for the smart monitoring system to prevent durians from other areas being labelled as being from Penang.

Through the system, each durian from Penang would be tagged with a QR code.

Consumers just need to scan to verify whether the durian is truly from Penang or not.

Fahmi said the initiative, under the state Agriculture Department, was developed in collaboration with Mimos Bhd.

"The tracking system was previously used in conjunction with the (Covid-19) vaccination programme," he said.

He added that the government had proposed making the use of a durian-tagging system manda-

Farmers adopt tagging system ahead of durian fest

Govt aid prioritised for those onboard initiative to protect Penang brand



Fahmi (right) showing a poster of the tagging system for durians using QR codes. — ZHAFARAN NASIB/The Star

tory for farmers.

Those who register will be prioritised for government aid, promotional efforts, and participation in official programmes.

Registration can be done through the Agriculture Department, Federal Agricultural Marketing Authority (Fama) or the state executive councillor's office.

Fahmi said the tagging system

was required for those wishing to participate in the upcoming Durian and Fruit Festival, to ensure the quality and authenticity of the durian sold.

He said the system would benefit consumers and farmers, offering price transparency.

It would also enhance the farmers' reputation and export potential, particularly to China.

"The month-long festival aims

to promote local fruits, especially Penang's famous durian, while supporting farmers and strengthening the state's agricultural sector through tourism and marketing initiatives," he said.

The event is a joint effort by his office, the state Agriculture Department and Fama.

Fahmi said the festival aimed to elevate the status of local fruits by showcasing the uniqueness and quality of the renowned durian and other tropical produce.

He said the event would serve as a direct marketing platform to help small-scale farmers increase their sales and income through direct engagement with consumers.

The festival is part of the state's broader strategy to promote agrotourism, positioning Penang as a premier destination for both domestic and international visitors seeking agricultural experiences.

He said the initiative also sought to strengthen the cooperative economy by enhancing the participation of cooperatives in agriculture and the marketing of local produce.

"We hope this year's Penang Durian and Fruit Festival will provide added value in several

key areas.

"The event offers a platform for local entrepreneurs to promote fruit-based products to a broader market, enhancing visibility and sales potential," he said, adding that the festival was expected to raise public awareness of the importance of healthy eating, by encouraging the consumption of local fruits.

Fahmi also said the event could serve as a catalyst for new business networking opportunities among entrepreneurs and cooperatives in the agriculture sector.

It was earlier reported that Penang would roll out a Track-and-Trace system to allow comprehensive monitoring of locally grown durian, particularly from Balik Pulau, in conjunction with the upcoming fruit season.

The system aims to address growers' complaints regarding fraudulent sales and the misrepresentation of Penang durian.

The project was a collaboration between the Penang tourism and creative economy committee, Fama, state Agriculture Department, Malaysian Quarantine and Inspection Services, and the Domestic Trade and Cost of Living Ministry in Penang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/6/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	27

PGA tumpaskan kegiatan seludup menerusi Op Taring Wawasan

Oleh HAZELN LIANA KAMARUDIN
RANTAU PANJANG

Anak pokok durian RM1.32 juta dirampas

Pasukan Gerakan Am (PGA) merampas anak pokok durian jenis duri hitam dan monthong serta kenderaan bernilai RM1.32 juta di dua lokasi berasingan semasa penugasan Op Taring Wawasan pada Isnin serta Selasa.

Komander Briged Tenggara, Datuk Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid berkata, sembilan pokok jenis Cycas turut dirampas dan dua pemandu lori ditahan.

Menurutnya, rampasan pertama dilakukan di Jalan Kampung Kedap di sini pada jam 12.10 tengah malam selepas menahan sebuah lori dalam keadaan mencurigakan.

"Hasil pemeriksaan mendapati terdapat 9,000 anak pokok durian duri hitam dan sembilan pokok jenis Cycas ditemui di dalam lori tersebut serta disyaki diseludup masuk dari Thailand.

"Seorang pemandu lelaki berusia 26 tahun ditahan dipercayai menjadi penghantar tanaman tersebut ke sebuah nursery di Muar, Johor," katanya pada Rabu.

Beliau berkata, anggaran nilai rampasan ialah RM1.05 juta termasuk lori dan kes disiasat di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta167) Seksyen 5.

Sementara itu bagi rampasan kedua, Nik Ros Azhan berkata, pihaknya menahan sebuah lori yang dipandu dalam keadaan mencurigakan di Kampung Lubok Gong di sini pada jam 6.12 petang.



"Hasil pemeriksaan mendapati terdapat 350 anak pokok durian monthong ditemui dalam lori tersebut dan disyaki mempunyai serangga perosak dan penyakit.

"Turut ditahan seorang pemandu lelaki berusia 35 tahun dipercayai menjadi penghantar tanaman tersebut ke sebuah nursery di Raub, Pahang," katanya.

Ujar beliau, anggaran nilai rampasan bernilai RM270,000 termasuk lori dan kes disiasat bawah Seksyen 6 Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 (Akta167).

Sementara itu di KOTA BHARU, PGA

berjaya menumpaskan kegiatan penyeludupan apabila merampas 10,000 batang rokok putih dan beras Siam sebanyak 622 kilogram (kg) yang dipercayai diseludup dari negara jiran di dua lokasi berasingan pada Selasa.

Nik Ros Azhan berkata, rokok dirampas pada jam 3 petang dalam serbuan di sebuah rumah kosong di Kampung Pelain, Batu Gajah, Tanah Merah.

"Hasil pemeriksaan menemukan 10,000 batang rokok putih dalam rumah tersebut yang dipercayai untuk dijual ke pasaran tempatan. Nilai rampasan menecah RM18,700," kata beliau.

Tambahnya, rampasan kedua pula dilakukan pada jam 7.30 pagi sebuah kereta ditahan di Kampung Gaung, Pasir Mas.

Nik Ros Azhan memberitahu, pemandu melarikan diri dengan meninggalkan kenderaan di tepi jalan.

"Hasil pemeriksaan mendapati terdapat 622 kg beras Siam dianggarkan bernilai RM2,488 dalam kenderaan dan disyaki diseludup," katanya.



Terdapat 9,000 anak pokok durian duri hitam dan sembilan pokok jenis Cycas ditemui dalam lori yang ditahan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/6/2025	HARIAN METRO	LOKAL	5



MUHAMMAD Ashraff (kiri) bersama abangnya, Muhammad Atiq Fakhul Aznan, 32, menunjukkan hasil lada cengek yang dikutip di ladang miliknya di Kampung Kubang Kuau, semalam. - Gambar NSTP/SYAHERAH MUSTAFA

Rezeki lada cengek

Pemuda mampu raih pendapatan belasan ribu ringgit sebulan

Oleh Syaherah Mustafa
am@hmetro.com.my

Rantau Panjang

Pilihan untuk menjadi petani ternyata tidak sia-sia apabila Muhammad Ashraff Fahmy Fakhul Aznan, 29, kini bergelar pengusaha tanaman lada cengek (cili padi) dengan pendapatan belasan ribu ringgit sebulan.

Dia yang juga pemegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Permatang Pauh, Pulau Pinang, mengusahakan tanaman lada fertigasi di atas tanah seluas 0.4 hektar milik keluarga.

Katanya, di ladangnya itu, terdapat 1,100 pokok lada cengek yang mampu menghasilkan kutipan cili sebanyak 50 sehingga 70 kilogram (kg) sehari untuk satu musim.

"Sebenarnya pokok lada

mengambil masa selama dua bulan untuk matang sebelum hasil cilinya boleh dipetik dua hingga empat kali seminggu dalam tempoh masa hampir enam bulan.

"Lada cengek boleh dijual kepada pemborong dengan harga RM10 hingga RM30 sekilogram yang mana harga pasaran berubah-ubah bergantung kepada permintaan selain persaingan dengan negara jiran, Thailand.

"Selain itu, hasil tanaman ini saya hantar sendiri ke Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, Kota Bharu sebanyak dua kali seminggu," katanya ketika ditemui di ladang lada cengek miliknya di Kampung Kubang Kuau, di sini semalam.

Muhammad Ashraff berkata, bagi mengukuhkan lagi kemahiran dalam bidang penanaman lada, dia saling berkongsi ilmu dengan kumpulan petani di bawah Kijang Rimba yang mana banyak melakukan perbincangan melalui kumpulan WhatsApp.

Katanya, melalui kumpulan terbabit juga, mereka berkongsi penggunaan formula baja yang sesuai demi menghasilkan tanaman lada berkualiti selain anti penyakit.

"Selain risiko pokok dijangkiti penyakit, antara cabaran lain adalah perubahan cuaca yang mana kualiti lada akan terjejas jika keadaan panas ekstrem atau menerima taburan hujan tinggi.

"Saya mempunyai lapan pekerja terdiri daripada penduduk kampung ini kerana dalam masa sama saya mahu kejayaan dalam bidang pertanian ini turut memberi manfaat kepada orang lain," katanya.

Menurutnya, pada awal pembabitannya dalam tanaman lada, dia pernah melalui fasa kegagalan apabila kesemua tanamannya diserang penyakit Mosaik Virus yang menyebabkan kerugian.

"Bagaimanapun ia tidak mematahkan semangat saya sebaliknya saya bangkit belajar pelbagai ilmu pertanian sehinggalah mampu mencapai kejayaan pada hari ini.

"Nasihat saya kepada anak muda agar jangan memandang bidang pertanian sebagai suatu kerjaya 'kampung' kerana berbakti kepada tanah, mampu memberi pendapatan lumayan," katanya.

"Berbakti kepada tanah, mampu beri pendapatan lumayan"
Muhammad Ashraff

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
5/6/2025	HARIAN METRO	LOKAL	5

Ladang harapan masa depan rakyat



Dua minggu yang lalu saya menulis tentang kepentingan untuk kita tahu dasar pertanian dan keterjaminan makanan negara. Ramai pembaca yang menghubungi untuk meminta saya menjelaskan lagi kenapa penting untuk mereka faham mengenai dasar-dasar ini.

Kita perlu sedar pada waktu perubahan iklim yang tidak menentu dan kesannya kepada masyarakat tani, serta kurangnya minat orang muda untuk terlibat dalam sektor pertanian tradisional, kita memerlukan inisiatif baharu yang akan menarik minat generasi muda ini kembali ke sektor pertanian.

Kita juga perlu sedar seperti apa yang berlaku tahun lalu ketika fenomena kemarau teruk dan banjir besar (El Nino dan La Nina) mengancam seluruh pelosok dunia yang mengakibatkan tanaman makanan memberi hasil rendah, mewujudkan kebimbangan bagi keterjaminan makanan bagi penduduk dunia yang semakin meningkat saban tahun.

Kita di Malaysia ini pada tahun lalu sahaja membelanjakan RM75.6 billion untuk mengimport produk makanan da-

ripada negara luar. Kebergantungan kita pada produk makanan import ini akan menjadi masalah sekiranya negara-negara pengeluar mula mencatu eksport produk makanan bagi menjamin rakyat mereka mendapat bekalan yang mencukupi jika situasi bertambah buruk.

Dalam konteks ini, saya memilih Program Inisiatif Pendapatan Rakyat – Inisiatif Usahawan Tani (IPR-INTAN) yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Pelaksana Koridor Utara (NCIA) sebagai salah satu agensi pelaksana dan rakan strategik pihak Kementerian Ekonomi sebagai contoh.

Program ini merupakan satu pendekatan strategik dalam usaha meningkatkan pendapatan isi rumah B40 melalui pertanian moden. Melalui pendekatan berasaskan latihan, bimbingan teknikal dan kerjasama pintar, inisiatif ini telah membuktikan bahawa pertanian mampu menjadi platform perubahan hidup – bukan sekadar bertani untuk hidup, tetapi bertani untuk maju.

Saya difahamkan bahawa peserta IPR-INTAN mencatat peningkatan pendapatan yang ketara. Ramai peserta dalam kalangan B40 yang sebelum ini hanya memperoleh RM300 hingga RM500 sebulan kini mampu meraih pendapatan melebihi RM2,000 atau lebih setiap bulan. Malah ada yang berjaya mencatat pendapatan mencecah RM5,000 hasil daripada tanaman cili secara fertigasi. Ini bukan sekadar statistik – ini adalah bukti nyata bahawa kehidup-

an boleh diubah apabila diberi peluang yang sesuai.

Salah satu kejayaan besar IPR-INTAN ini ialah bagaimana ia menghidupkan semula tanah-tanah terbiar. Contohnya, tanah terbiar di hadapan Hospital Bahagia Ulu Kinta, kini menjadi tapak pertanian moden yang produktif. Pendekatan ini bukan sahaja menjana hasil tetapi turut menyumbang kepada agenda keterjaminan makanan negara.

Menurut Pengarah Ekosistem Perniagaan NCIA, Datin Shahdee Ahmad, para peserta menerima latihan praktikal dalam kaedah pertanian moden, termasuk teknik fertigasi dan penggunaan teknologi pertanian moden sebagai persediaan untuk menjadi peladang kontrak yang menguruskan tapak pertanian mereka sendiri atau membentuk koperasi. Dengan kerjasama institusi seperti Universiti Putra Malaysia (UPM), peserta dibimbing dan dipantau agar berjaya dalam menguruskan projek pertanian mereka. IPR-INTAN tidak menyerahkan peserta begitu sahaja – ia membina keupayaan mereka.

Program ini bersifat inklusif – dari pesara, ibu tunggal, Orang Asli, hingga graduan muda. Ia membuka pintu kepada pelbagai golongan untuk mencuba bidang pertanian sebagai sumber pendapatan baharu.

Namun program seperti ini tidak kurang cabarannya. Apatah lagi ramai peserta tidak mempunyai latar belakang dalam pertanian. Maka, fasa awal men-

jadi mencabar, terutamanya dalam memahami dan melaksanakan teknik moden. Namun, sokongan berterusan daripada mentor dan rakan peserta banyak membantu mengatasi halangan ini.

Kerja-kerja ladang memerlukan tenaga fizikal, terutama bagi peserta berumur. Penyesuaian fizikal ini memerlukan masa dan ketabahan. Penggunaan teknologi membantu menarik minat generasi muda untuk terlibat sama dalam IPR-INTAN ini.

Walaupun hasil pertanian tinggi, akses kepada pasaran yang stabil dan berdaya saing masih merupakan cabaran. Sebab itu kerjasama dengan agensi seperti Perbadanan Kemajuan Pertanian adalah langkah yang baik, tetapi perlu diperluas ke seluruh negara.

IPR-INTAN bukan hanya tentang pertanian – ia tentang memulihkan harga diri, memberi harapan baharu dan membina komuniti yang lebih berdaya tahan. Jika dilaksanakan dengan konsisten dan inklusif, saya percaya program seperti ini mampu mengubah landskap sosio-ekonomi luar bandar di seluruh Malaysia.

Inilah ladang harapan – dan benihnya sudah pun disemai. Sekarang masa untuk kita menyiram dan menyuburkannya di seluruh tanah air.

** Datuk Dr Anis Yusoff ialah Pengarah Eksekutif di INPUMA & UM LEAD, Universiti Malaya. Beliau juga adalah Felo Utama di KITA, UKM dan pernah menjadi Presiden Institut Integriti Malaysia dan Timbalan Ketua Pengarah GIACC, JPM.*